

Noor
Mohamad
Shakil
Hameed

Perluas skop tunai baucar buku

Antara objektif utama pemberian Baurar Buku Malaysia (BBIM) untuk meringankan beban perbelanjaan pelajar dalam pembelian buku pengajian serta sebagai inisiatif tambahan memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Pada 23 Oktober 2015, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan di dalam pembentangan Bajet 2016 meluluskan peruntukan RM300 juta untuk pemberian Baurar Buku Malaysia (BBIM). Semua 1.2 juta pelajar prauniversiti dan Institut Pendidikan Tinggi (IPT) dijangka menerima manfaat daripada program ini.

Namun, sejak mula diperkenalkan pada 2012, program BBIM tidak pernah sunyi daripada pelbagai isu berkaitan penyalahgunaan dan penyelewengan baucar oleh pihak tertentu sehingga kita mula berfikir apakah ia masih relevan dan wajar diteruskan.

Laporan yang sering kita dengar ialah ada pelajar dan pengusaha kedai buku menyalahgunakan baucar ini. Misalnya pengusaha kedai buku sanggup bersekongkol dengan sebilangan pelajar untuk menukarkannya dengan wang tunai tanpa berlaku urusan penjualan buku. Malah, sebelum ini pernah juga kita dengar ada pelajar sanggup menjual atau meelong baucar ini pada nilai lebih rendah menerusi pelbagai media, terutama media sosial. Mereka sanggup dan berani menjual atau meelongnya semula pada harga yang jauh lebih rendah hanya kerana mahukan wang tunai untuk kegunaan lain. Hal ini berlaku kerana antara syarat pemberian BBIM pelajar tidak dibenarkan menukarkannya kepada wang tunai, justeru segelintir pelajar yang terlebih cerdik menggunakan kebijaksanaan belajar di menara gading dengan mencari jalan lain untuk menukarkan baucar itu walaupun menjualnya pada harga lebih rendah.

Ini jelas satu perbuatan yang cukup memalukan dan tidak wajar berlaku sama sekali. Malah, tindakan mereka ini wajar dilabel sebagai tidak beretika dan tidak menghargai kemudahan yang kerajaan sediakan. Sayangnya mereka menggunakan kreativiti yang ada pada mereka ke jalan yang salah dan merugikan masa depan mereka sendiri.

Dalam pada itu, timbul juga pelbagai pandangan daripada pihak pelajar itu sendiri agar skop penggunaan baucar ini diperluaskan lagi. Mereka berpandangan isu penyalahgunaan baucar ini timbul kerana skop

penggunaannya agar terhad, justeru mereka terpaksa menjualnya supaya dapat menggunakan wang tunai untuk perkara lain. Mengikut Garis Panduan Pemberian BBIM 2016 Kepada Pelajar dan IPT yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pelajar hendaklah menggunakan semua BBIM 2016 bernilai RM250 untuk pembelian buku akademik, jurnal dan majalah ilmiah serta merangkumi segala jenis bahan bacaan yang memberi manfaat dan berkaitan dengan bidang pengajian pelajar sahaja. Ia tidak boleh dipindah milik, ditukarkan dalam bentuk wang tunai atau dijualkan kepada pihak ketiga. Tempoh sah laku BBIM 2016 ialah enam bulan sahaja sehingga 30 Jun 2016.

Bagi pelajar, mereka harapkan skop ini diperluaskan lagi misalnya baucar ini boleh digunakan untuk pembelian peralatan ataupun kemudahan sokongan pembelajaran seperti aksesori komputer berkaitan, termasuk pencetak dan juga mungkin peralatan makmal atau tugasan pengajian lain. Malah, ada berpandangan juga wajar digunakan untuk membeli peralatan sukan. Jelas mereka tidak mahu ia terlalu dihadkan kepada bahan bacaan atau buku rujukan semata-mata disebabkan kadang kala boleh dipinjam di perpustakaan ataupun diakses secara percuma di Internet. Maka timbul persoalan kewajaran penggunaan baucar ini dihadkan kepada pembelian bahan bacaan semata-mata.

Tempoh masa penggunaan yang ditetapkan iaitu enam bulan juga mungkin boleh dilihat semula agar dapat dipanjangkan lagi supaya pelajar tidak perlu tergesa-gesa untuk menghabiskannya. Hal ini penting kerana ada IPT hanya dapat agihkan baucar ini pada bulan Mac menyebabkan pelajar hanya ada tiga bulan untuk menghabiskannya. Justeru, penulis sangat bersetuju dengan inisiatif pihak KPT yang sedang menjalankan kajian untuk melakukan penambahbaikan terhadap pemberian baucar ini, termasuk cadangan dalam bentuk wang tunai. Memang sudah tiba masanya untuk kita menyemak dan mengkaji semula keberkesanan pemberian dan penggunaan BBIM secara keseluruhannya selepas lima tahun pelaksanaan supaya ia terus kekal relevan dan memberi manfaat yang sewajarnya kepada golongan sasaran.

Dalam konteks ini, kita wajar mengambil serius cadangan,

pandangan serta maklum balas daripada pihak pengguna iaitu golongan pelajar itu sendiri. Kita sedar niat kerajaan cukup murni dan ikhlas ingin membantu pelajar kita, terutama yang kurang berkemampuan agar dapat membeli beberapa bahan rujukan untuk membantu pengajian mereka, namun pada masa sama kita juga perlu pastikan ia sama ada masih relevan atau tidak dalam zaman yang serba moden ini iaitu penggunaan buku teks mahupun bahan rujukan lain sudah kelihatan seperti ketinggalan zaman.

Kita percaya andai dapat memenuhi permintaan pelajar yang mahukan skop penggunaan baucar ini diperluaskan isu penyalahgunaannya kemungkinan besar dapat ditangani dengan baik. Penulis percaya pelajar cukup bersyukur dan menghargai pemberian baucar ini cuma mereka rasa tersepit kerana tidak dapat menggunakannya untuk tujuan selain membeli bahan bacaan.

Untuk itu, kajian keberkesanan pemberian baucar ini wajar dilakukan dengan segera. Biar kita kumpul sebanyak mungkin pandangan dan maklum balas daripada pelajar supaya dapat membuat penambahbaikan dalam pengagihan baucar pada tahun hadapan.

Bagi tahun ini pelajar wajar mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan kita berharap ia dapat dibuat penambahbaikan untuk tahun hadapan. Justeru, kita setuju dengan kenyataan Datuk Seri Idris Jusoh bahawa KPT akan mengambil tindakan tegas dengan menyenaraihitamkan penuntut institusi pengajian tinggi dan pengusaha kedai buku yang didapati bersalah menyalahgunakan pemberian BBIM ini. Ini wajar dilakukan kerana kita tidak mahu pengusaha kedai buku mengambil kesempatan dan pelajar pula menyalahguna kemudahan ini.

Dalam kita menantikan tindakan pihak KPT untuk membuat sebarang penambahbaikan sewajarnya ke atas skop penggunaan baucar ini, kita memohon agar pelajar memahami prinsip asas pemberian baucar ini yakni satu kemudahan dan bantuan tambahan pihak kerajaan untuk mengurangkan beban pengajian mereka. Jadi bersyukurlah dengan pemberian ini dan jangan sekali-kali menyalahguna kemudahan yang disediakan.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM